

Sungai Batu bukti kewujudan tamadun tertua di Asia Tenggara

Jamudin Idris

PERSEJARAHAAN negara tentu berubah dengan pengkajian lebih mendalam tapak Arkeologi Sungai Batu, Lembah Bujang dekat Merbok, Kedah kerana bukti dikumpul setakat ini menunjukkan tamadun masyarakat di negara ini adalah yang tertua di Asia Tenggara. Kajian saintifik terhadap 10 daripada 97 tapak yang sudah digali di kawasan seluas 3 kilometer persegi itu menunjukkan kehidupan sebuah komuniti manusia prasejarah di situ. Kajian di situ menunjukkan komuniti berkenaan dipercayai wujud pada 110 Masihi.

Ekskavasi oleh Universiti Sains Malaysia (USM) menghasilkan kepelbagaian bukti wujudnya aktiviti melebur besi, dewan, bangunan upacara amal sekali gus membuktikan kegiatan ekonomi yang dijalankan di situ. Kajian itu menghasilkan penceritaan sejarah yang mengasyikkan seperti monumen, tulisan atas batu, industri besi, keagamaan dan perdagangan.

Atas pentingnya perkara itu mendorong Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Rais Yatim, melawat tapak itu, baru-baru ini. Turut serta pegawai kanan kementerian; Naib Canselor USM,



DR MOKHTAR (dua dari kanan) memberi taklimat kepada Rais di Sungai Batu, baru-baru ini.

Tan Sri Prof Dzulkifli Abdul Razak; Pesuruhjaya Jabatan Warisan Negara (JWN), Prof Emeritus Datuk Zuraina Majid serta kakitangan jabatan dan akademik.

Kajian di Sungai Batu timbul kerana di kalangan ahli akademik, kajian di sesuatu tempat tidak seharusnya terhenti setakat penemuan candi atau artifak. Bagaimanapun semua pihak mengakui Lembah Bujang terkenal sebagai kawasan candi lama yang dikatakan bertariikh abad keenam hingga 12 Masihi.

Penemuan itu tidak dapat membuktikan penceritaan sejarah yang boleh memberi kefahaman mengenai tamadun awal. Seakan-akan tidak berpuas hati dengan kajian

Lembah Bujang, mendorong kajian lebih terperinci pada awal 2007. Hasil kajian lapangan di situ, ditemui beberapa bukti menarik untuk metakkan kompleks tamadun terawal di Asia Tenggara, Sungai Batu mendahului tamadun di negara lain.

Penemuan menarik seperti fosil daun pada bata, bata dengan kesan tapak kaki haiwan, bata dengan kesan jari mungkin bertujuan sebagai pelindung kepada struktur bangunan, pecahan tembikar bata yang mungkin dibawa pedagang serta batu bersurat berusia sekitar abad kelima dan ketujuh Masihi dan tulisan Sanskrit Pallava.

Pengarah Lapangan kajian itu, Prof Madya Dr Mokhtar Saidin, dalam taklimat kepada Rais berkata,

aktiviti melebur besi membuktikan kegiatan ekonomi sudah ada di situ kerana kawasan Lembah Bujang atau Gunung Jerai dipercayai mempunyai jeti tempat pendaratan perahu besar atau kapal.

Wujudnya kawasan penempatan, perkuburan, bengkel bata, atap genting dan melebur besi mewajarkan tapak itu dikenali Taman Warisan Sejarah Negara. Penemuan kajian Sungai Batu di sebuah ladang sawit jalan Lencongan Merbok itu membuktikan tamadun di situ lebih awal daripada Angkor Wat di Kemboja, Borobudur di Indonesia atau kawasan bersejarah lain di Thailand atau Vietnam.

Menurut Rais, penemuan itu amat menakjubkan dan tentu mengubah perspektif sejarah negara dan metakkan Malaysia sebagai pusat wujudnya tamadun manusia tertua di Asia Tenggara. Penemuan terbaru itu membolehkan beliau membentangkan laporan lengkap kepada Kabinet dalam tempoh terdekat untuk mewartakan kawasan terabit sebagai Taman Sejarah Negara.

Sambil mengucap tahniah kepada USM dan JWN, Rais mahu penyelidikan mendalam dilakukan supaya tiada pihak memperkecilkan usaha itu kerana apabila ia dipraktik di seluruh dunia, Malaysia akan berada pada perspektif sejarah dari segi arkeologi, antropologi dan sosiologi yang tinggi.

Apa yang menarik, katanya, kajian yang menunjukkan tapak arkeologi itu dipercayai wujud pada tahun 110 Masihi bukan setakat dilakukan kakitangan USM malah di-

sokong ahli akademik dari Amerika Syarikat dan Korea Selatan.

Sebenarnya, penyelidikan arkeologi Lembah Bujang dilakukan seawal 1840-an oleh James Low dan menemui bukti kemunculan sebuah tamadun awal sejarah yang penting sekitar abad ke-5 hingga 14 Masihi. Berdasarkan penemuan struktur candi dan artifak lain, pengkaji lepas mengukuhkan fakta bahawa Lembah Bujang pernah berfungsi sebagai sebuah pelabuhan atau tempat persinggahan kapal dagang.

Pusat Penyelidikan Arkeologi Global USM (PPAG) diberi kepercayaan melakukan kajian dan ekskavasi selepas timbul persoalan, apakah fungsi setiap struktur yang ditemui seperti candi dan jika candi tentu ada taburan penduduknya. Oleh itu, PPAG menjalankan penyelidikan tamadun Lembah Bujang pada Mac 2007 dan hasil kajian, ditemui tapak Sungai Batu ini.

Tapak Sungai Batu dipercayai menempatkan sebuah kompleks penting pada zaman kegemilangannya berdasarkan lebih 27 busut dengan struktur berbeza. Dr Mokhtar berkata, penyelidik menjangka banyak lagi penemuan bakal dirungkai berhubung struktur kehidupan masyarakat di situ apabila kerja ekskavasi dan analisis tapak dilakukan.

Dicadangkan penyelidikan diteruskan di kawasan terpilih dan berpotensi untuk mencari pelbagai bukti, bagi memperkayakan penceritaan tamadun dan warisan sejarah.

● Penulis ialah perunding media